



JABATAN PELAJARAN TERENGGANU
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2009
PEPERIKSAAN PERCUBAAN

21/1

SEJARAH
Kertas 1

Ogos
2009

1¼ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Disediakan oleh:
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai oleh:
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Dicetak oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 30 halaman bercetak


1 Senarai merujuk kepada bahan tinggalan sejarah

- Fosil
- Tembikar
- Binaan daripada batu

Bagaimanakah ahli arkeologi menguji ketepatan usia bahan-bahan di atas?

- A Penyelidikan
- B Rujukan ilmiah
- C Kajian saintifik
- D Perbincangan

(T1:MS 12)

2 Rajah 1 merujuk kepada ciri-ciri masyarakat Zaman Prasejarah di Malaysia


Rajah 1

Di manakah lokasi X?

- I Bukit Tengkorak, Sabah
 - II Gua Niah, Sarawak
 - III Gua Harimau, Perak
 - IV Gua Cha, Kelantan
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(T1:MS 24)

3 **Rajah 2** menerangkan sistem pentadbiran kerajaan Srivijaya.



Rajah 2

Apakah pentadbiran X?

- A Jajahan
- B Wilayah
- C Devaraja
- D Ketenteraan

(T1:MS 38)

4 Maklumat berikut berkaitan hubungan Melaka dengan China


Kurniaan Maharaja China kepada Melaka
<ul style="list-style-type: none"> • Payung kuning • Cap mohor • Sepersalinan pakaian

Apakah maksud kurniaan di atas kepada Melaka?

- A Persahabatan
- B Perluasan kuasa
- C Pengiktirafan kerajaan
- D Perhubungan perdagangan

(T1:MS 51)

- 5 **Gambar 1** merujuk kemudahan pengangkutan di Pelabuhan Melaka




Gambar 1

Apakah fungsi pengangkutan di atas?

- A Menyimpan barang-barang dagangan
- B Memunggah barang dari kapal pedagang
- C Membawa pedagang dari kapal ke daratan
- D Mengangkat barang dari pelabuhan ke tempat lain

(T1:MS 65)

6 **Peta 1** merujuk kedatangan dan perkembangan agama Islam di Asia Tenggara




Peta 1

Apakah kesimpulan yang dapat dibuat daripada peta di atas?

- I Agama Islam dibawa ke Melaka oleh Kerajaan Jepara
 - II Agama Islam mula bertapak di Melaka pada abad ke-15
 - III Penduduk Asia Tenggara menerima ajaran agama Islam seawal abad ke-13
 - IV Penyebaran agama Islam ke Asia Tenggara dilakukan oleh pendakwah tempatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(TI:MS 72-73)

7 **Peta 2** merujuk kedatangan orang Portugis ke Timur**Peta 2**

Penjelajahan dan kedatangan orang Portugis ke Timur dikaitkan dengan

- I penyebaran agama Kristian
- II penemuan jalan laut
- III revolusi pertanian
- IV kesetiaan rakyat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(T1:MS 95)

8 **Maklumat** berkaitan dengan usaha Johor merampas semula Melaka daripada Portugis

Gabungan antara angkatan perang Johor dengan askar Belanda sejak tahun 1608, akhirnya berjaya mengalahkan Portugis pada tahun 1641

Apakah iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa tersebut?

- A Kedaulatan negara perlu dipelihara
- B Keamanan negara tanggungjawab pemimpin
- C Keselamatan negara ditentukan oleh kuasa luar
- D Kemakmuran negara bergantung kepada ekonomi

(T1:MS 105)

9 Maklumat berikut berkait dengan Bendahara Tun Abdul Jalil

- Pada tahun 1699, telah dilantik menjadi sultan Johor dengan sokongan pembesar dan rakyat.
- Memakai gelaran Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV

Apakah kesan daripada peristiwa di atas?

- A Kemakmuran kerajaan Johor
- B Johor diperintah oleh keturunan Bendahara
- C Pelabuhan Johor bebas daripada ancaman lanun
- D Laksamana mengambil alih tugas sebagai pelantik raja

(T1:MS 115)

Menentukan sempadan antara Perak dengan Siam

10 Mengapakah Bendahara Megat Terawis bertindak sedemikian?

- A Menjamin keamanan di Perak
- B Membolehkan pembahagian tugas pembesar
- C Mengelakkan perebutan wilayah di sempadan
- D Memudahkan pungutan cukai

(T1:MS 126)

11 Mengapakah Kelantan menghantar bunga emas kepada Siam setiap tiga tahun sekali?

- A Mengelak ancaman Burma
- B Mengekalkan hubungan perdagangan
- C Meningkatkan pertukaran budaya
- D Menjalin hubungan diplomatik

(T1:MS 130)

12 Maklumat berikut merujuk peraturan dalam Adat Perpatih

Pewarisan harta pusaka secara turun-temurun daripada kepunyaan suku adalah diberatkan kepada sebelah ibu

Mengapa?

- A Anak perempuan merupakan pemimpin dalam keluarga
- B Perempuan akan mengikut suami selepas berkahwin
- C Perempuan menjadi simbol kedaulatan masyarakat
- D Anak perempuan menjadi asas kewujudan suku

(T1:MS 148)

13 Maklumat merujuk kegiatan masa lapang golongan bangsawan.

Tarian Asyik ialah tarian yang ditarikan di Istana Kelantan

Apakah alat muzik yang digunakan dalam tarian tersebut?

- I Rebab
- II Gedombak
- III Gendang
- IV Seruling

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(T1:MS 165)

14 Senarai merujuk suku kaum di Sarawak

- Melanau
- Kelabit

Apakah persamaan kedua-dua kumpulan etnik di atas?

- A Menanam padi sawah
- B Tinggal di persisiran pantai
- C Tradisi menyimpan pasu
- D Menindik telinga

(T1:MS 187)


Masyarakat Kadazandusun mempercayai dan mematuhi undang-undang adat seperti babas, sogit dan kepanasan

15 Apakah yang akan berlaku jika mereka tidak mematuhi undang-undang adat tersebut?

- A Hilang kedudukan dalam masyarakat
- B Hukuman buang daerah
- C Disumpah oleh bomoh
- D Ditimpa malapetaka

(T1:MS 195)

16 Peta 3 menunjukkan kedudukan Seberang Perai (Province Wellesley)



Peta 3

Apakah kepentingan Seberang Perai terhadap SHTI?

- I Kawasan pertanian
 - II Benteng pertahanan
 - III Pelabuhan persinggahan
 - IV Pusat pengumpulan barangan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(T2 : MS 10)

- 17 Karikatur di bawah menggambarkan perbalahan antara British dengan Belanda mengenai Singapura.



Apakah iktibar yang boleh diambil daripada karikatur tersebut?

- A Bermuafakat membawa berkat
- B Berwaspada terhadap kuasa asing
- C Bertolak ansur dengan kuasa asing
- D Bersatu padu mengekalkan kedaulatan

(T2 : MS 10)

- 18 Maklumat berkaitan Perang Siam dengan Burma.


Siam muncul sebagai sebuah kuasa yang kuat setelah Perang Siam dengan Burma ditamatkan pada tahun 1781

Apakah yang dituntut oleh Siam terhadap Kedah selepas perang tamat?

- I Wang
 - II Bijih timah
 - III Bunga perak
 - IV Tenaga manusia
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(T2 : MS 6)

19 Peta 4 menunjukkan hubungan pedagang negeri-negeri Melayu dengan Negeri-Negeri Selat.



Peta 4

Bagaimanakah Negeri-Negeri Selat menjalin hubungan dengan negeri-negeri Melayu?

- I Mengendalikan perdagangan
 - II Memberikan bantuan ketenteraan
 - III Menyediakan pinjaman perniagaan
 - IV Melabur modal dalam perlombongan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV


(T2 : MS 29)

20 Apakah faktor yang menyebabkan British menguasai Pahang?

- A Kekayaan hasil bijih timah
- B Perebutan takhta kerajaan
- C Permintaan sultan Pahang
- D Khawatir pertapakan kuasa asing

(T2 : MS 42)

21 Senarai berkaitan Negeri-Negeri Melayu Utara.



Mengapakah negeri-negeri di atas menghentikan penghantaran bunga emas kepada Siam selepas tahun 1909?

- A Hasil emas merosot
- B Ekonomi tidak stabil
- C Berada di bawah naungan British
- D Bantahan daripada raja-raja Melayu

(T2 : MS 57)

22 Maklumat berkaitan pelantikan wakil British di Terengganu.

Pada tahun 1910, W.L. Conlay dilantik sebagai wakil British di Terengganu

Apakah bidang kuasa wakil British tersebut?

- A Mengutip cukai
- B Menjaga keselamatan
- C Menguruskan hal ehwal luar negeri
- D Menasihati sultan dalam pentadbiran

(T2 : MS 61)

23 Maklumat berkaitan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895.


- Digubal oleh Sultan Abu Bakar
- Merupakan perlembagaan bertulis yang pertama

Undang-undang di atas menjadi asas pembentukan

- A negara demokrasi
- B institusi kesultanan
- C Majlis Mesyuarat Negara
- D institusi Raja Berperlembagaan

(T2 : MS 66)

24 **Rajah 3** menunjukkan penubuhan majlis pentadbiran di Sarawak.




Rajah 3

Apakah **X**?

- A Majlis Negeri
- B Majlis Tertinggi
- C Majlis Bahagian
- D Majlis Tempatan

(T2 : MS 84)

25 Senarai berkaitan tanaman di Sarawak.



Tanaman **X** ialah

- A sagu
- B gambir
- C tembakau
- D lada hitam

(T2 : MS 89)

- 26 **Rajah 4** di bawah berkaitan dengan usaha Persatuan Sementara Borneo Utara British Berhad.



Rajah 4

Apakah sebab usaha ini penting kepada persatuan tersebut?

- A Mendapat kuasa mentadbir
- B Memupuk perpaduan rakyat
- C Memelihara kedaulatan negeri
- D Mendapat sokongan pembesar

(T2 : MS103-104)

- 27 **Jadual 1** di bawah menunjukkan hasil eksport tembakau dalam nilai dolar di Sabah.

Tahun	Tembakau
1886	39 775
1887	18 879
1888	20 942


Jadual 1

Apakah usaha Syarikat Borneo Utara British dalam menggalakkan penanaman tembakau?

- A Membawa masuk buruh Jawa
- B Membina landasan kereta api
- C Mengecualikan cukai eksport
- D Meningkatkan peratusan dividen

(T2 : MS112- 114)

- 28 Graf 1 menunjukkan perbandingan pengeluaran bijih timah antara pelombong Cina dan pelombong Eropah di Tanah Melayu.



Graf 1

Mengapakah pelombong Eropah menguasai pengeluaran selepas tahun 1937?

- A Kerjasama pembesar tempatan
- B Bekalan buruh yang mencukupi
- C Kemajuan sistem pengangkutan
- D Penggunaan teknologi moden

(T2 : MS137)


- 29 Pada awal abad ke-20, tujuan utama jalan raya dibina untuk menghubungkan

- I bandar besar dengan bandar kecil
- II pelabuhan dengan pusat pentadbiran
- III kawasan ekonomi dengan pelabuhan
- IV kawasan petempatan dengan bandar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(T2 : MS147)

- 30 Ilustrasi menunjukkan pertempuran antara Tuanku Muhammad Saad Kedah dengan Siam di Kota Kuala Kedah pada tahun 1838.



Apakah faktor kejayaan Siam dalam pertempuran tersebut?

- A Bantuan British
- B Semangat juang tinggi
- C Kepemimpinan berwibawa
- D Kesetiaan kepada Raja Siam

(T2 : MS164)

- 31 Tindakan berikut dilakukan oleh Sharif Masahor untuk menentang James Brooke.

- Menyerang Mukah
- Menyerang Kanowit
- Cubaan menyerang Kuching

Apakah kesan tindakan tersebut?

- A Dipenjarakan di Betawi
- B Dibuang ke Singapura
- C Dihukum gantung sampai mati
- D Dibersarakan dan diberi pencen

(T2 : MS172-173)

32 Senarai berikut berkaitan notis yang dikenakan ke atas penduduk di jajahan Pasir Puteh

- Rumah besar : \$10
- Rumah sedang : \$5
- Rumah kecil: \$3

Notis tersebut berkaitan dengan

- A denda
- B cukai pintu
- C cukai tanah
- D bayaran lesen


(T2 : MS189)

- Jose Rizal - Filipina
- Soekarno - Indonesia
- Mahatma Ghandi – India

33 Apakah kepentingan tokoh-tokoh di atas terhadap gerakan nasionalisme di Tanah Melayu?

- A Memajukan penduduk tempatan
- B Menggalakkan perjuangan bersenjata
- C Menyemarakkan gerakan kemerdekaan
- D Membentuk perjuangan secara sederhana

(KBKK, T2 : MS 202)




Akhbar Al-Imam

34 Apakah sumbangan akhbar di atas terhadap pemikiran orang Melayu?

- A Menekankan kepentingan pendidikan dan ekonomi
- B Mendesak orang Melayu menerima perubahan
- C Membangkitkan semangat setia kepada negara
- D Mementingkan perpaduan antara kaum

(T2 : MS 203)



35 Mengapakah persidangan ini penting dalam gerakan kebangsaan?

- I Semangat kenegerian dihapuskan
- II Asas perjuangan mendaulatkan bahasa Melayu
- III Suarakan tentangan terbuka terhadap British
- IV Konsep kebangsaan Melayu dibentuk

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(T2 : MS 215)

36 Maklumat di bawah berkaitan kemaraan tentera Jepun ke Tanah Melayu.

Menggunakan basikal

Apakah kelebihan penggunaan cara tersebut ?

- I Pergerakan lebih mudah
 - II Sukar dikesan oleh musuh
 - III Menjimatkan perbelanjaan
 - IV Mudah didapati dan dikendali
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(T3: MS 9)

37 Maklumat merujuk kepada dasar yang dijalankan oleh Jepun

- Nippon Go sebagai bahasa pengantar
- Lagu Kimigayo dinyanyikan setiap pagi di sekolah

Mengapakah Jepun menetapkan dasar tersebut ?

- A Memajukan pendidikan
- B Memperkayakan budaya
- C Menyatukan pelbagai kaum
- D Memupuk kesetiaan kepada maharaja

(T3 : MS 18)

38 Mengapakah rancangan di bawah gagal dilakukan oleh pihak Jepun ?

"Kawasan Kesemakmuran Bersama Asia Timur Raya"

- A Kekurangan buruh
- B Kekurangan bahan mentah
- C Masalah kebangkitan rakyat
- D Menumpukan kepada peperangan

(T3 : MS 33)

Pentadbiran Tentera British

39 Apakah masalah yang dihadapi pentadbiran di atas di Tanah Melayu?

- A Persengketaan antara kaum
- B Kemusnahan kawasan pertanian
- C Kewujudan pelbagai parti politik
- D Pertambahan penganas komunis

(T3 : MS 48)

40 Maklumat berkaitan dengan keganasan tentera Bintang Tiga di Tanah Melayu.

- Merampas harta benda
- Menyeksa dan membunuh sesiapa yang dipercayai bekerjasama dengan Jepun

Bagaimanakah British mengatasinya ?

- A Mengisytiharkan darurat
- B Menubuhkan pasukan polis
- C Melaksanakan pentadbiran tentera
- D Mengusir keluar tentera Bintang tiga

(T3 : MS 47-48)


- Pembunuhan seorang penghulu dan Pegawai Daerah Batu Pahat
- Membakar rumah berpenghuni di Kampung Bakor dan Sungai Manik di Perak

41 Apakah kesan peristiwa di atas kepada penduduk Tanah Melayu ?

- A Ketegangan kaum
- B Perjuangan menuntut kemerdekaan
- C Kehilangan kepercayaan terhadap British
- D Penentangan terhadap pemerintahan British

(T3 : MS 47)

42 Rajah 5 merujuk kepada perubahan pentadbiran di Tanah Melayu



Rajah 5

Apakah kelebihan PTM kepada orang Melayu?

- A Memajukan ekonomi
- B Mengembalikan keamanan
- C Memodenkan pendidikan
- D Menjamin hak istimewa

(T3 : MS 77)

Tarikh	1 – 4 mac 1946
Pengerusi	Dato' Onn Jaafar
Kehadiran	41 Persatuan Melayu

Jadual 2

43 Jadual 2 menerangkan Kongres Melayu yang pertama. Apakah kesan daripada kongres tersebut?

- A Penubuhan PEKEMBAR
- B Pengenalan Sistem Ahli
- C Penubuhan Kesatuan Melayu Muda
- D Pengisytiharan Persekutuan Tanah Melayu

(T3 : MS 72)

- 44 Maklumat berkaitan rancangan yang dilaksanakan oleh pentadbir British di Tanah Melayu

Perang Saraf

Mengapakah rancangan di atas diperkenalkan ?

- I Mengikis perasaan perkauman
 - II Menempatkan penduduk di kawasan baru
 - III Mengasingkan penduduk mengikut kaum
 - IV Memujuk rakyat bersatu
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(T3 : MS 98)

- 45 Maklumat berikut merujuk kepada langkah untuk membanteras ancaman komunis

Kerajaan menawarkan pengampunan beramai-ramai kepada penganas komunis

Apakah tujuan kerajaan berbuat demikian ?

- A Memberi taraf kerakyatan
- B Mengukuhkan pertahanan negara
- C Memujuk komunis menyerah diri
- D Mewujudkan masyarakat bersatu padu

(T3 : MS 102)

46




Apakah perkara yang dituntut oleh kerajaan daripada pihak komunis dalam pertemuan tersebut?

- I Menyerah diri
- II Meletak senjata
- III Meninggalkan negara
- IV Menyerahkan hak kerakyatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(T3: MS 107)

- 47 **Gambar 2** di bawah menunjukkan tokoh-tokoh yang menganggotai satu jawatankuasa yang ditubuhkan pada 1949.



Gambar 2

Apakah tugas jawatankuasa tersebut?

- A Merancang pilihanraya
- B Memupuk perpaduan
- C Membanteras ancaman komunis
- D Menjamin kestabilan politik

(T3: MS 122)

48 **Gambar 3** menunjukkan rundingan meja bulat Parti Perikatan UMNO-MCA pada tahun 1954.




Gambar 3

Apakah nilai yang boleh dicontohi daripada usaha di atas ?

- A Bertoleransi dalam masyarakat
- B Berwawasan dalam perjuangan
- C Bekerjasama menyelesaikan masalah
- D Bersatu untuk mencapai kemajuan

(T3: MS 125 KBKK)

49 **Rajah 6** di bawah menunjukkan sekolah vernakular di Tanah Melayu.




Rajah 6

Bagaimanakah kelemahan sekolah tersebut diatasi?

- A Mewujudkan sistem pendidikan kebangsaan
- B Memperkenalkan sistem pendidikan barat
- C Memodenkan infrastruktur pendidikan
- D Mempertingkatkan penggunaan bahasa ibunda

(T3:MS 128)

50 **Gambar 4** menunjukkan Perjanjian London 1956 ditandatangani.




Gambar 4

Apakah kesan perjanjian tersebut kepada Tanah Melayu?

- A Pengunduran tentera British
- B Penguasaan perdagangan British
- C Pentadbiran raja berkuasa mutlak
- D Pemulangan kuasa kepada penduduk tempatan

(T3:MS 151-162)

51 **Rajah 7** menunjukkan perkara yang dipinda terhadap Laporan Suruhanjaya Reid.



Rajah 7

Apakah tujuan pindaan tersebut?

- I Memperkembangkan bahasa Melayu
- II Mengekalkan kuasa orang Melayu
- III Melahirkan masyarakat bersatu
- IV Membentuk kerajaan demokrasi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(T3:MS 155-156 KBKK)

52 Senarai merujuk pemimpin yang berusaha kuat untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu

Pemimpin
<ul style="list-style-type: none"> • Tunku Abdul Rahman • Tun Abdul Razak • Tun V.T. Sambanthan • Tun H.S Lee

Mengapakah mereka perlu dicontohi?

- I Gigih mencorakkan halatuju negara
 - II Bijak menyelesaikan masalah
 - III Menjaga kepentingan kaum
 - IV Memartabatkan pendidikan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(T3:MS 158 KBKK)

53 Maklumat di bawah mengenai tindakan British di Sabah dan Sarawak.


Menjadikan Sabah dan Sarawak sebagai tanah jajahan British
--

Apakah tujuan tindakan tersebut?

- A Melemahkan pengaruh komunis
- B Melindungi kepentingan ekonomi
- C Menyeragamkan sistem pentadbiran
- D Menghapuskan perasaan perkauman

(T3:MS 175 &189)

54 **Rajah 7** merujuk kepada pertubuhan yang ditubuhkan di Sarawak.



Rajah 7

Mengapakah pertubuhan di atas menentang British?

- A Menuntut diadakan pilihanraya
- B Menentang penyerahan Sarawak
- C Menuntut hak istimewa bumiputera
- D Mempertahankan kemerdekaan Sarawak

(T3:MS 178)

55 Dialog berikut mungkin berlaku di Sarawak pada tahun 1946.

Pegawai British 1: Kebanyakan yang terlibat dalam Gerakan Antipenyerahan adalah kakitangan kerajaan.

Pegawai British 2: Ya, sebilangan besarnya adalah guru Melayu.

Bagaimanakah pihak British menyekat penglibatan mereka dalam gerakan tersebut?

- A Mengeluarkan perintah berkurung
- B Menggubal perlembagaan baru
- C Menukarkan mereka ke tempat baru
- D Mengeluarkan surat Pekeliling No. 9

(T3:MS 181)

56 Parti politik berikut telah bergabung membentuk Parti Perikatan Sabah pada tahun 1962.

- Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO)
- Pertubuhan Kebangsaan Bersatu (UNKO)
- Persatuan Cina Sabah (SCA)

Apakah tujuan gabungan itu dibentuk?

- A Menyertai pilihanraya
- B Menuntut kemerdekaan
- C Menyokong penyerahan Sarawak
- D Memelihara kedudukan istimewa bumiputera

(T3:MS 192)


57 Bagaimanakah negeri-negeri berikut mendapatkan kemerdekaan?

- Singapura
- Sabah
- Sarawak

- A Menyertai Kalimantan Utara
- B Membentuk Melayu Raya
- C Bergabung dalam Persekutuan Malaysia
- D Bekerjasama dengan Indonesia dan Filipina

(T3:MS 201)

- 58 **Gambar 5** menunjukkan rombongan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sedang menjalankan tugas di Sabah dan Sarawak.



Gambar 5

Apakah tugas mereka?

- A Menggubal perlembagaan baru
- B Menyatukan paduan pelbagai kaum
- C Meninjau semula pandangan penduduk tempatan
- D Membanteras ancaman komunis

(T3:MS 213-215)

- 59 Tindakan berikut telah diambil oleh Indonesia ketika Malaysia diisytiharkan.

Konfrontasi

Apakah tindakan Malaysia untuk menanganinya?

- I Membuat bantahan terhadap PBB
- II Memutuskan hubungan diplomatik
- III Melancarkan serangan balas
- IV Menyusun semula Askar Wataniah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(T3:MS 221)

60 **Jadual 3** menunjukkan kejayaan yang pernah dicapai oleh negara kita.

Tahun	Peristiwa
31 Ogos 1957	Kemerdekaan Tanah Melayu
16 September 1963	Pembentukan Persekutuan Malaysia

Jadual 3

Apakah ciri warganegara yang menyumbang kepada kejayaan tersebut?

- I Bersatu dalam tindakan
 - II Memiliki kepimpinan yang cemerlang
 - III Berani menentang musuh
 - IV Menghargai tradisi negara
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(T3: MS 230 KBKK)

KERTAS SOALAN TAMAT

DOWNLOAD FROM
[HTTP://SMKADG.BPI.EDU.MY](http://smkadg.bpi.edu.my)

PREPARED BY

aliff.oi@gmail.com